



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

LAWATAN T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU
PINANG KE KAIROS AGRICULTURE (MALAYSIA
FIRST SMART VANILLA FARM)

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI ABBAS
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
05 OKTOBER 2020 (ISNIN)
10.00 PAGI

KAIROS AGRICULTURE
PERMATANG PAUH AGRO PARK
PENANTI

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSP 2020

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajjah Majimor binti Shariff

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Ezra Tan Koon Hock

Managing Director Kairo Agriculture

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam Lawatan Bersama Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang ke Kairos Agriculture yang merupakan ladang vanila pintar yang pertama di Malaysia.

Saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran ingin Menjunjung Kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajjah Majimor binti Shariff yang sudi hadir untuk lawatan ini. Semoga dirgahayu hendaknya Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan dengan dirahmati Tuhan dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimudahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Encik Ezra Tan Koon Hock, *Managing Director Kairo Agriculture* dan pasukan beliau yang telah berjaya mengusahakan ladang vanilla secara pintar menggunakan teknologi seperti internet pelbagai benda (IoT) di Taman Agro Permatang Pauh yang merupakan pertama seumpamanya di negara ini. Saya amat berharap pembukaan ladang pintar seluas dua ekar ini akan menarik lebih banyak pihak lagi ke negeri ini untuk menghasilkan pertanian jenis bernilai tinggi.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dalam merealisasikan Seberang Perai sebagai bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang tahun 2022 dalam suasana sektor ekonomi terkesan dengan pandemik COVID-19, MBSP memberi penekanan di dalam bajet 2021 ke arah “Pembangunan Ekonomi Tempatan Yang Progresif”. Salah satu langkah adalah dengan memacu pembangunan “*Circular Economy*” yang merupakan bidang baru yang diperkukuhkan lagi selepas COVID-19 dan tidak mudah terkesan dengan suasana ekonomi yang tidak menentu. Ianya tertumpu kepada sektor pertanian dan makanan.

Perubahan daripada *Linear Model* kepada *Circular Model* adalah satu kemestian dan tindakan pro aktif. Justeru pada 19 September 2020, *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* dilancarkan yang menjadi panduan dalam memastikan pola penghasilan dan penggunaan (*Production and Consumption Pattern*) di Seberang Perai dapat diubah daripada *Linear Model* kepada *Circular Model*. *Linear Model* menggunakan bahan mentah yang dijadikan sebagai produk dan seterusnya dilupuskan apabila selesai digunakan. *Linear Model* menggunakan bahan mentah secara tidak terhad di mana akhirnya akan berlakunya kekurangan sumber dan mengakibatkan peningkatan pada kos barangan yang dijual.

Circular Model berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan yang merbahaya pada tanah, air dan udara. Dalam erti kata mudah, *Circular Model* menumpukan untuk *Closing the Loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*Resource efficient*) dalam memaksimumkan penghasilan produk.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Ladang vanila yang diusahakan oleh Syarikat Kairos Agriculture juga berkonsepkan *Digital* dan *Circular Economy* kerana penggunaan teknologi seperti internet pelbagai benda (IoT) dan juga tidak membazirkan penggunaan sumber iaitu memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap yang dihasilkan boleh diguna semula dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover; dan Recycle*. Adalah diharapkan kaedah penggunaan teknologi dan kitar semula dalam pertanian dapat membantu golongan usahawan tani menghasilkan tanaman bernilai tinggi.

Saya juga telah mengesyorkan kepada pengusaha untuk melibatkan golongan B40 dari kampung-kampung berdekatan melalui pemberian empat keratan batang pokok vanilla untuk ditanam dan hasilnya pula akan dijual kepada Kairos Agriculture. Inisiatif ini dapat membantu golongan B40 yang terjejas akibat pandemic COVID-19

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Demikianlah ucapan saya pada kali ini. Semoga Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajjah Majimor binti Shariff sentiasa mendapat rahmat dan keberkataan dari Allah SWT dan dianugerahkan kesihatan yang sejahtera untuk terus menjadi tonggak utama Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan juga masyarakat Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun, jika ada ketelanjangan kata, salah bicara sepanjang ucapan ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.